



#Penjarakanfizikal - Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan

tempoh tamat

44  
Hari13  
Jam30  
Minit

ikuti Berita terkini Covid-19

NASIONAL KES POLITIK PENDIDIKAN WILAYAH

## Program imunisasi tidak boleh gagal

Oleh [Luqman Arif Abdul Karim](#) - Februari 14, 2021 @ 5:34pm[luqman.arif@bh.com.my](mailto:luqman.arif@bh.com.my)

Gambar fail, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Khairy Jamaluddin Abu Bakar ketika sidang media mengenai Perkembangan Perolehan Vaksin COVID-19 Negara di bangunan Parlimen. - Foto BERNAMA

[TERKINI](#)[PILIHAN PEMBACA](#)

- 10m  [Bantuan barang RM100,000 untuk mangsa banjir](#)
- 26m  [Sugarbook.com perlu disekat- MOSTI](#)
- 39m  [Meghan Markle hamil anak kedua](#)
- 48m  [MTUC gesa kerajaan perbaiki PdPR](#)
- 1h  [Bekas Presiden Argentina mati pada usia 90 tahun](#)
- 1h  [Bantuan Kembali Ke Sekolah diteruskan selepas tamat PKP](#)
- 1h  [UK hampiri sasaran 15 juta penduduk divaksinasi](#)
- 1h  [2 gol Lukaku bawa Inter ke persada liga](#)

KUALA LUMPUR: Program imunisasi COVID-19 kebangsaan yang akan bermula pada penghujung bulan ini tidak boleh gagal dan perlu mencapai matlamatnya.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Khairy Jamaluddin, ketika menaruh harapan sedemikian berkata usaha berkenaan memerlukan sokongan semua pihak, memandangkan negara yang melaksanakan program imunisasi mula menunjukkan pemulihan terhadap aspek ekonomi mereka.

Katanya, sebarang gangguan terhadap program imunisasi kebangsaan dan pandemik COVID-19 yang berterusan akan mengundang ketidaktentuan ekonomi.

"Apabila tiba masa untuk kita menerima vaksin, segeralah mendaftar agar sasaran kita untuk mencapai imuniti kelompok dapat dipercepat,

seterusnya membolehkan proses pemulihan ekonomi disegerakan.

## DISYORKAN UNTUK ANDA

- Vaksinasi penting untuk kembali pulihkan ekonomi - MOSTI
- 'Imuniti kelompok' kawal, putuskan rantaian jangkitan
- Kerajaan digesa laksana sistem indemniti tingkatkan keyakinan program vaksinasi
- Ahli Parlimen wajar jadi kumpulan pertama terima vaksin

"Saya hendak tegaskan sekali lagi, vaksin yang diperoleh Malaysia adalah selamat dan berkesan. Ia diuji kepada puluhan ribu penerima sebelum diluluskan. Jutaan manusia di seluruh dunia sudah mula menerima suntikan mereka.

"Tiada bukti vaksin ini memudaratkan nyawa atau kesihatan mereka. Vaksin ini tidak akan mengubah asid deoksiribonukleik (DNA) penerima. Vaksin ini tidak mengandungi mikrocip untuk mengambil alih pemikiran kita.

"Vaksin ini bukan agenda illuminati yang mahu menuju New World Order. Vaksin ini dihasilkan oleh sains. Kita mesti yakin dengan sains dan bukannya teori konspirasi yang tular dalam kumpulan WhatsApp keluarga atau taman perumahan yang memetik sumber palsu. Sains mesti menang," katanya dalam kenyataan yang dimuat naik di Khairykj.com, hari ini.

Menerusi keyakinan terhadap sains dan vaksin, Khairy berkata seramai mungkin akan menerima suntikan mereka sehingga menyaksikan bilangan jangkitan COVID-19 dan jumlah pesakit di unit rawatan rapi (ICU) mula menurun.

Berikut pencapaian itu, katanya, kerajaan mempunyai asas untuk memutuskan supaya lebih banyak aktiviti ekonomi dan sosial beroperasi tanpa sekatan yang terlalu ketat.

"Inilah kaitan langsung program imunisasi yang berjaya kepada pemulihan ekonomi. Ia sangat berkait rapat.

"Bagi Malaysia, Bank Dunia meramalkan ekonomi kita akan kembali berkembang pada kadar 6.7 peratus bagi 2021, tetapi ini tertakluk kepada kelancaran dan keberkesanan program imunisasi, peningkatan kedudukan eksport negara serta tahap pelaburan di Malaysia.

"Kejayaan pelaksanaan program imunisasi kebangsaan penting bagi memastikan ramalan ini dapat dicapai dan pemulihan ekonomi dilakukan dengan lancar apabila lebih banyak aktiviti ekonomi dapat dibuka.

## TRENDING



**EROPAH** 40 minit yang lepas  
Meghan Markle hamil anak kedua



**KES** 2 jam yang lepas  
Memandu lawan arus, 4 kenderaan terbabit kemalangan



**ASIA** 4 jam yang lepas  
Bayi maut dilarikan monyet



**NASIONAL** 12 jam yang lepas  
Penerima hati, Mohd Afiq Ikmal kritikal



**NASIONAL** Feb 14, 2021 @ 2:19pm  
Rancang, hati-hati belanja duit i-sinar

"Sebagai contoh, apabila sempadan negara kembali dibuka, sektor yang terjejas teruk seperti penerbangan dan pelancongan akan dapat beroperasi semula. Begitu juga kilang-kilang yang dapat beroperasi tanpa risiko perlu ditutup akibat jangkitan sesama pekerja.

"Rantaian ekonomi berterusan akan membolehkan kitaran ekonomi berjalan lancar yang akan membawa kebaikan bukan sahaja kepada negara, malah kehidupan seharian rakyat," katanya.

## BERITA BERKAITAN



NASIONAL Feb 11, 2021 @ 10:51pm

**Pharmaniaga bukan sekadar 'tukar botol' vaksin**



NASIONAL Feb 13, 2021 @ 7:12pm

**KJ jawab persoalan pengagihan vaksin COVID-19**



NASIONAL Feb 11, 2021 @ 10:36pm

**Negara dapat vaksin baharu jika gagal lawan mutasi**



NASIONAL Feb 12, 2021 @ 8:19am

**Vaksin percuma: 'Kita tidak selamat sehingga salah semua orang selamat' - Khairy**



IKUTI KAMI DI:



[BHPLUS](#)  
[Nasional](#)  
[Kes](#)  
[Politik](#)  
[Pendidikan](#)  
[Wilayah](#)

[DUNIA](#)  
[HIBURAN](#)  
[BISNES](#)  
[RENCANA](#)  
[WANITA](#)  
[HUJUNG MINGGU](#)

[Foto](#)  
[BHTV](#)  
[Infografik](#)  
  
[LANGGAN](#)  
[Akhbar Digital](#)  
[Akhbar BH](#)

[Iklan Web](#)  
[1Klassifieds](#)  
[NSTP KLiK](#)

2021 © BH, New Straits Times Press (M) Bhd. A part of Media Prima Group  
[Redaksi](#) [Disclaimer](#) [Notis Perlindungan Data Peribadi](#)